



KHAIRY JAMALUDDIN dan timbalannya, M. Saravanan (duduk, lima dari kiri) bergambar para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 di Dewan Kampo Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Cheras, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Kualiti sektor awam penting untuk jaya TN50

KUALA LUMPUR 7 Mac - Menjadi aspirasi kerajaan untuk mengubah persepsi orang ramai terhadap kualiti perkhidmatan awam negara agar setanding dengan sektor swasta, terutama dalam menyokong pelaksanaan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata, dalam merealisasikan agenda TN50, perancangan yang hebat sahaja tidak cukup sekiranya kumpulan pelaksana tidak mampu menunjukkan komitmen yang sama.

“Sistem penyampaian sektor awam adalah sama penting dengan dokumen-dokumen dasar yang di-

gariskan di dalam TN50. Jika kualiti perkhidmatan awam dapat dipertingkatkan, barulah kita boleh menjadi negara kelas pertama seperti yang disasarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di dalam TN50,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2016 Kementerian Belia dan Sukan di Pusat Belia Antarabangsa (IYC) Cheras di sini hari ini.

Dalam majlis tersebut, seramai 394 kakitangan daripada pelbagai jabatan atau agensi Kementerian itu menerima anugerah masing-masing setelah menunjukkan pr-

estasi perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun lalu.

Jelas Khairy lagi, beliau percaya perkhidmatan awam negara ini merupakan antara yang terbaik di peringkat dunia namun kualiti yang baik itu tidak semestinya dapat menghilangkan tanggapan buruk terhadap kakitangan awam dalam kalangan masyarakat.

“Menjadi aspirasi saya untuk menyaksikan kualiti perkhidmatan awam terus dipertingkatkan. Bukan dari segi realiti sahaja, malah meliputi persepsi. Kita mahu realiti dan persepsi sektor awam sama dengan sektor swasta,” katanya.

Mengulas mengenai TN50, beliau berkata, siri dialog keempat TN50 akan diteruskan ke Perak malam esok bertempat di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seri Iskandar.

Katanya, dialog itu turut disertai oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir dan disiarkan secara langsung menerusi RTM.

Katanya lagi, siri jelajah itu akan diteruskan di Sarawak pada Sabtu ini yang akan berlangsung di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan disertai oleh Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Abang Johari Tun Openg.